

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ATW 103 - Undang-Undang Perniagaan

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN :**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA (3)** soalan lain. Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan dan seksyen daripada mana-mana akta berkanun yang relevan.

---

Soalan 1

(a) Berdasarkan Akta Kontrak 1950 tuliskan nota-nota ringkas mengenai semua perkara yang berikut:

- i) salah nyataan ('misrepresentation');
- ii) pengaruh tidak wajar;
- iii) paksaan.

[ 10 markah ]

(b) X bersetuju menjualkan rumahnya yang bernilai RM100,000 (harga pasaran) kepada Y dengan harga RM20,000 sahaja. Dua hari kemudian, X membuat keputusan untuk tidak meneruskan penjualan rumahnya kepada Y pada harga RM20,000 tetapi ingin menjualnya pada harga pasaran. Nasihati Y sama ada satu kontrak telah wujud dan sama ada beliau boleh menguatkuasakan kontrak tersebut pada harga RM20,000.

[ 7 markah ]

- (c) Govinda telah mendapat tawaran berlakun di Bollywood. Pada masa yang sama isteri Govinda telah meninggal dunia semasa melahirkan anak mereka yang pertama. Govinda menyalahkan bayinya yang baru lahir sebagai punca kematian isterinya yang disayangi. Beliau terus menempah tiket yang pertama ke Bollywood tanpa melihat anaknya terlebih dahulu. Salman, seorang kawan Govinda bersimpati dengan bayi kecil tersebut dan membuat keputusan untuk membelanya. Sepuluh tahun kemudian Govinda sedar akan kesilapan masa lampaunya dan berusaha mencari anaknya. Apabila Govinda mendapati bahawa Salman merupakan orang yang telah membela anaknya selama ini, beliau berjanji akan memampaskan Salman bagi semua perbelanjaannya kerana mengasuh dan mendidik anak Govinda. Bolehkah Salman menguatkuasakan janji Govinda?. Berikan alasan anda dari sudut perundangan kontrak.

[8 markah]

Soalan 2

- (a) Fairuz memperolehi sebuah kereta Iswara secara sewa beli dengan Syarikat Cepat Finance. Baru-baru ini Fairuz gagal membayar DUA (2) ansuran bulanan berturut-turut. Syarikat kewangan tersebut menghantar notis penarikan balik kenderaan tersebut kepada Fairuz. Notis tersebut bertarikh 6 September 1999. Pada 16 September 1999 syarikat kewangan tersebut telah memiliki semula kereta tersebut daripada Fairuz. Nasihatkan Fairuz tentang hak-haknya di bawah Akta Sewa Beli 1967.

[ 8 markah ]

- (b) (i) Jelaskan dengan ringkas TIGA (3) tanggungjawab ejen kepada prinsipal;  
(ii) Jelaskan dengan ringkas TIGA (3) tanggungjawab prinsipal kepada ejen.

[ 11 markah ]

- (c) Nora ialah seorang pembuat dan penjual barangan plastik. Azean telah memesan beberapa barangan plastik dan memberitahu Nora bahawa barangan plastik tersebut akan digunakan untuk memanaskan makanan di dalam ketuhar. Azean telah menggunakan barangan plastik tersebut dan didapati ia cair apabila dimasukkan ke dalam ketuhar. Nasihatkan Nora dan Azean tentang hak-hak atau kedudukan mereka dari kaca mata perundangan.

[ 6 markah ]

...3/-

Soalan 3

- (a) Mat, Muthu dan Wong merupakan TIGA (3) rakan kongsi Sinaran Enterprise. Firma tersebut menjalankan perniagaan menjual perabot rumah. Mengikut perjanjian perkongsian, hanya Wong seorang sahaja yang diberikuasa untuk memesan barangan perabot daripada pembekal. Pada 14 Januari 1999, Mat telah memesan barangan perabot bagi Sinaran Enterprise daripada seorang pembekal bernama Encik Lee dan gagal menjelaskan wang belian. Encik Lee tidak dapat menghubungi Mat dan telah menuntut wang belian daripada rakan kongsi yang lain. Muthu dan Wong enggan membayar wang belian dengan alasan bahawa perjanjian perkongsian antara mereka tidak memberikan Mat kuasa membuat pesanan untuk barangan perabot daripada pembekal. Apakah nasihat anda kepada semua pihak dalam pertikaian ini?

[ 6 markah ]

- (b) Seseorang prinsipal tidak boleh menamatkan kuasa ejennya dalam DUA (2) keadaan tertentu. Jelaskan DUA (2) keadaan tersebut serta berikan contoh.

[ 6 markah ]

- (c) "Seseorang tidak boleh memberikan hakmilik yang lebih baik daripada yang dimiliki (nemo dat quod habet)". Bincangkan.

[ 13 markah ]

Soalan 4

- (a) Secara ringkas terangkan perbezaan antara kontrak sewa beli, kontrak jualan barangan dan kontrak insurans.

[ 9 markah ]

- (b) Kasturi telah menjual kereta Protonnya dengan nombor pendaftaran PCP 3750 kepada adiknya Mahsuri. Mahsuri telah membayar harga belian sekaligus. Namun demikian pemindahan milikan tidak didaftarkan dengan JPJ kerana Mahsuri sedang menuntut di luar negara. Kereta tersebut telah diinsuranskan di atas nama Kasturi. Mahsuri juga telah bersetuju membenarkan Kasturi menggunakan keretanya iaitu Proton 3750 sehingga beliau tamat pengajian. Pada suatu hari, kereta yang dipandu oleh Kasturi terlibat dalam kemalangan jalan raya dan beliau telah membuat tuntutan daripada syarikat insurannya. Syarikat insurans tidak tahu sama ada ia perlu memenuhi tuntutan tersebut. Nasihatinya.

[ 8 markah ]

...4/-

- (c) Jelaskan prinsip 'uberrimae fidei' yang menjadi asas kepada kontrak insurans.

[ 8 markah ]

Soalan 5

- \(a) Hajar telah mengemukakan kepada bank BBMB satu cek bernilai \$50,000 yang dikeluarkan ('drawn') di atas bank Mayban dan digariskan 'A/C Payee sahaja' bagi pihak Hajar Services Sdn. Bhd. BBMB telah mengkreditkan akaun persendirian Hajar dengan jumlah wang tersebut. Sebulan kemudian, Hajar Services Sdn. Bhd. telah menuntut daripada BBMB untuk wang berjumlah \$50,000. Berikan penjelasan kepada BBMB samada ia bertanggung untuk membayar wang tersebut dari segi perundangan.

[ 8 markah ]

- \(b) Jelaskan keadaan-keadaan yang menyebabkan sesuatu cek dikembalikan atau tidak dilayan ('dishonoured').

[ 7 markah ]

- (c) Terangkan dengan ringkas ciri-ciri bil pertukaran.

[ 10 markah ]

---ooo000ooo---